Isnin, 20 April 2020 | 6:52pm






KEBAKARAN hutan dianggarkan 50 hektar di kompartmen 21 Hutan Siimpan Kuala Langat Selatan. NSTP/Ihsan UPBN

# 80 hektar hutan simpan Kuala Langat terbakar

Share
(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/679541/80-hektar-hutan-simpan-kuala-langat-terbakar)

(https://twitter.com/int
ref_src=twsrc%5Etfw&text=80%20hektar%20hutan%20simpan%20Kuala%20Langat%20terbakar&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/6
hektar-hutan-simpan-kuala-langa

KUALA LANGAT: Kerajaan Negeri Selangor akan memohon bantuan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk melakukan pengeboman air menggunakan pesawat Bombardier CL-415 bagi mempercepatkan kerja pemadaman kebakaran di Kompartment 21 Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di sini.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian, berkata ini kerana kebakaran yang mula dikesan pada Jumaat lalu kini merebak sehingga seluas 80 hektar berikutan cuaca panas, kering dan berangin.

“Hutan yang terbakar ini tidak mempunyai jalan masuk dan sumber air. Bagaimanapun kita sudah menempatkan dua jentolak untuk membuka jalan supaya pasukan bomba dan agensi berkaitan dapat masuk ke kawasan kebakaran.

“Kerajaan negeri juga mengaktifkan sebuah telaga tiub kira-kira 1.5 kilometer daripada kawasan kebakaran untuk digunakan dalam kerja pemadaman api,” katanya kepada pemberita selepas meninjau kebakaran hutan simpan berkenaan di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis.

Loy Sian berkata, tanpa operasi pengeboman air oleh pesawat APMM, kerja pemadaman kebakaran mungkin mengambil masa tiga hingga empat minggu untuk diselesaikan berbanding kira-kira sepuluh hari dengan bantuan agensi terbabit.

Katanya, seramai 100 anggota terdiri daripada JBPM Selangor, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Unit Pengurusan Bencana Selangor ditempatkan di hutan simpan berkenaan bagi melaksanakan kerja pemadaman kebakaran.

Tambahnya, pihaknya berharap operasi pengeboman air oleh APMM dapat dilaksanakan seawal pagi esok bagi mengelak kebakaran hutan itu merebak ke kawasan yang lebih luas.

Mengulas mengenai punca kejadian itu, Loy Sian berkata ia disyaki akibat perbuatan tidak bertanggungjawab petani haram di kawasan hutan simpan terbabit yang melakukan pembakaran bagi membuka tanah pertanian baharu.

“Mereka mengusahakan tanaman kontan seperti ubi keledek, ubi kayu dan sayur-sayuran. Dianggarkan kira-kira 300 petani haram meneroka hutan simpan ini,” katanya.

Loy Sian berkata kerajaan negeri menghadapi kesukaran untuk mengekang kegiatan pertanian golongan berkenaan kerana mereka adalah antara pembekal makanan terbesar kepada penduduk Selangor.

“Kawasan ini dan di Johan Setia, Klang merupakan antara dua lokasi tanah gambut yang membekalkan sebahagian besar sayur-sayuran kepada penduduk negeri ini.

“ Disebabkan itu, kerajaan negeri perlu berhati-hati dalam melakukan kerja-kerja pemutihan ke atas petani ini kerana kita tidak mahu bekalan makanan terjejas,” katanya. – BERNAMA

## Berita Berkaitan







(/berita/wilayah/2018/06/440559/bukan-hutan-simpan-kekal)

**Bukan Hutan Simpan Kekal (/berita/wilayah/2018/06/440559/bukan-hutan-simpan-kekal)**







(/berita/nasional/2016/04/144758/guna-telaga-tiub-padam-kebakaran-hutan)

**Guna telaga tiub padam kebakaran hutan (/berita/nasional/2016/04/144758/guna-telaga-tiub-padam-kebakaran-hutan)**

**Disyorkan untuk anda**

Stay Safe, Stay Home Outbrain






**David and Victoria Beckham Buy Full-Floor Penthouse in Miami**
Mansion Global
(https://www.mansionglobal.com/articles/david-and-victoria-beckham-buy-full-floor-penthouse-in-miami-213628?reflink=outbrain_apartment-int_$section_id$&obOrigUrl=true)

(/berita/wilayah/2019/04/554913/kilang-bateri-dibe
kawasan-pelepasan)

**Kilang bateri diberi tempoh baiki rekahan di ka
(/berita/wilayah/2019/04/554913/kilang-bateri-d
di-kawasan-pelepasan)**



**Valuate Your Car Today For Free!**
Carsome.my

(https://www.carsome.my/?utm_source=Outbrain&utm_medium=Native&utm_campaign=MY_Desktop&obOrigUrl=true)



**China’s Youngest Female Billionaire Sells Sydney Penthouse at a Loss**
Mansion Global
(https://www.mansionglobal.com/articles/china-s-youngest-female-billionaire-sells-sydney-penthouse-at-a-loss-120014?reflink=outbrain_apartment-int_$section_id$&obOrigUrl=true)



**This Watch surprises the whole country. The price? Ridiculous! (only $69)**
News Gadget
(https://stalence-alawants.icu/f9ab91c2-47ed-4a22-8042-f12a3d7d99f2?ad_title=This+Watch+surprises+the+whole+country.+The+price%3F+Ridiculous%21+%28only+%24&publisher_name=$pu

# Disyorkan



**Ahli Parlimen saran pelitup muka fabrik diberi percuma kepada pelajar** **(https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/715241/ahli-parlimen-saran-pelitup-muka-fabrik-diberi-percuma-kepada-pelajar?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)**




**RM8.5 bilion kutipan hasil JPJ untuk dua tahun** **(https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/715201/rm85-bilion-kutipan-hasil-jpj-untuk-dua-tahun?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)**



**Zul Ariffin tangguh kahwin** **(https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/07/715223/zul-ariffin-tangguh-kahwin?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)**



**RM1.25 bilion naik taraf, pembangunan semula 237 sekolah daif di Sabah** **(https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/715252/rm125-bilion-naik-taraf-pembangunan-semula-237-sekolah-daif-di-sabah?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)**



**Olivia de Havilland meninggal pada usia 104** **(https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/07/715239/olivia-de-havilland-meninggal-pada-usia-104?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)**

# Popular




**PKP kembali jika kes cecah 3 angka** **(/berita/nasional/2020/07/714877/pkp-kembali-jika-kes-cecah-3-angka)**



**Penempatan haram Bukit Malut membesar** **(/berita/nasional/2020/07/714926/penempatan-haram-bukit-malut-membesar)**



**Miera sah jadi isteri Rosland** **(/hiburan/selebriti/2020/07/715088/miera-sah-jadi-isteri-rosland)**



**Sugu Pavithra tidak mahu ada kaitan lagi dengan YouTube** **(/berita/nasional/2020/07/715095/sugu-pavithra-tidak-mahu-ada-kaitan-lagi-dengan-youtube)**



United, Chelsea ke Liga Juara-Juara

(/sukan/bola/2020/07/715105/united-chelsea-ke-liga-juara-juara)



© 2020 BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group